

# AIA perkenal perlindungan pertama untuk ibu, anak

**AIA** Bhd, melancarkan dua penyelesaian insurans, A-Life Lady360 dan A-Life Joy, yang disasarkan untuk ibu dan bayi yang baru dilahirkan.

A-Life Lady360 membolehkan ibu mendapat perlindungan untuk diri serta bayi mereka sebaik sahaja kehamilan disahkan tanpa perlu mendapatkan taja jamin perubatan.

Sementara A-Life Joy pula memberi pilihan kepada ibu bapa untuk melanjutkan perlindungan anak mereka untuk meliputi autisme dan Gangguan Defisit Perhatian Hiperaktif (ADHD), sekali gus menjadikan AIA syarikat insurans pertama menawarkan pelan berke-

naan di Malaysia.

Pelan ini juga tersedia untuk takaful patih syariah - A-Life Lady360-i dan A-Life Joy-i - yang mana perlindungan yang ditawarkan adalah sama seperti pelan konvensional.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA, Eric Chang, berkata produk terabit direka bagi memenuhi peningkatan keperluan pasaran untuk ibu yang mahu diinsuranskan sebaik sahaja mereka hamil, selain manfaat untuk melindungi kecelaranan tingkah laku seperti autisme dan ADHD.

"Sehingga kini, ramai wanita tidak boleh mendapat perlindungan pranatal disebabkan komplikasi

yang dialami ketika trimester pertama kehamilan mereka.

## Penuhi keperluan pasaran

"Pelan ini membolehkan pelanggan mendapat perlindungan untuk bayi mereka sebaik sahaja kehamilan disahkan.

"Statistik menunjukkan secara purata, 12.3 peratus daripada 500,000 bayi yang dilahirkan setiap tahun di Malaysia tidak cukup bulan, manakala terdapat insiden yang mana 2.59 bagi setiap 1,000 bayi di Malaysia dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) disebabkan asfiksia pranatal," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Chang berkata, syarikat insurans bertanggungjawab memastikan penyelesaian yang mereka sediakan memenuhi keperluan pasaran.

"Kira-kira 20 tahun lalu, kesedaran mengenai autisme dan ADHD sangat kurang. Kini apabila kesedaran semakin meningkat dan terdapat pelbagai pilihan rawatan, kita perlu menyediakan perlindungan yang membolehkan warga Malaysia mendapat akses kepada pilihan yang ada.

"Ini adalah selaras dengan komitmen kami sebagai The Real Life Company yang sentiasa mencipta penyelesaian bagi memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah," katanya.

Fakta  
nomor

80 TAHUN

perlindungan disediakan  
menerusi pelan  
A-Life Lady360